

Peluang Proton tembusi pasaran global

Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL
NAZMI SANNUSI

shazmy@um.edu.my
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains
Sosial dan Kemasyarakatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia



PERALIHAN Proton Holdings Bhd. (Proton) daripada pemilikan tunggal negara kepada usaha sama antarabangsa susulan penyertaan Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. (Geely) pastinya mengundang perasaan dan pandangan bercampur baur dalam kalangan rakyat Malaysia.

Dalam hal ini, konglomerat DRB-Hicom Bhd. selaku pemilik Proton turut mencapai persetujuan bagi Geely membeli 49.9 peratus ekuiti dalam Proton.

Sebagai sebahagian daripada perjanjian tersebut, syarikat automotif terkemuka dari China itu turut membeli 51 peratus kepentingan dalam syarikat pembuat kereta dari Britain, Lotus yang dimiliki Proton sejak 1996.

Dalam konteks perniagaan, penulis mengamati reaksi pelabur terhadap transaksi ini sebagai positif. Melalui firma broker saham tempatan, prestasi saham DRB-Hicom Bhd. melonjak 10 peratus, manakala saham Geely yang tersenarai di Bursa Saham Hong Kong menokok lebih lima peratus ketika berita itu mula tersebar.

Kebimbangan politik tentang jatuhnya syarikat milik negara ini ke tangan pihak asing meresahkan masyarakat. Manifestasi nilai sentimental serta rasa kesal kerap kali timbul apatah lagi jika merujuk kepada tajuk-tajuk berita dalam negara kebelakangan ini.

Menyingkap serba ringkas profil syarikat automotif milik



TIMBALAN Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani (tengah) menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara DRB-Hicom dan Geely di Putrajaya baru-baru ini.

negara ini, Proton atau nama asalnya Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. ditubuhkan seiring hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Ini juga adalah hasil kerjasama dengan firma Jepun, Mitsubishi Motors sekitar tahun 1985 dan berjaya mengeluarkan modul pertamanya Proton Saga.

Proton sebelum ini pernah dimiliki oleh Khazanah Nasional iaitu cabang pelaburan kerajaan Malaysia. Namun, ekoran kemerosotan jualan dan persaingan sengit dengan kereta asing, ia telah diambil alih DRB-Hicom dengan transaksi berjumlah RML2 bilion pada Januari 2012.

Tindakan drastik

Dalam sifir mudah, setiap perniagaan yang dijalankan pasti akan menghasilkan untung atau rugi. Selain itu, persoalan tentang kelangsungan juga tidak boleh dikesampingkan kerana perniagaan mempunyai dinamikanya tersendiri.

Andainya perniagaan mencapai untung, maka mudah

untuk mencari peluang dan memperkembangkan lagi kek ekonomi yang wujud. Jika sebaliknya, suatu tindakan drastik perlu dilakukan bagi menyelamatkan 'pendarahan' lebih teruk yang akan merugikan banyak pihak.

Penulis melihat kewujudan Proton dan rangkaian perniagaan yang telah terbina sejak beberapa dekad lalu sebagai besar, rapi dan matang.

Malah penulis tidak teragak-agak untuk menggemunkan rantaian ekosistem perniagaan Proton ini sebagai *no big no failed*. Dalam erti kata lain, operasi Proton ketika ini bukanlah calang-calang perniagaan yang pernah kita fikirkan.

Setelah berjaya menempa nama di peringkat tempatan, tiba masanya bagi Proton memerlukan rakan kongsi yang kukuh dan berwawasan dalam merencanakan hala tuju ke peringkat global dan tidak lagi bergantung kepada pasaran domestik yang kecil.

Justeru, persoalan tentang kelangsungan perniagaan perlu diutamakan terlebih dahulu berbanding pertimbangan-

pertimbangan lain dalam menentukan hala tuju syarikat ini untuk terus berdaya saing.

Dunia dan realiti semasa kini telah bertukar. Industri automotif seluruh dunia kini berada di ambang konsolidasi yang menghasilkan organisasi lebih besar dan mantap.

Kewujudan ini terbukti dengan pengambilalihan beberapa syarikat automotif global seperti di Perancis, Jerman, China dan Amerika Syarikat yang berlaku dengan jayanya.

Sebagai contoh, syarikat pengeluar kereta Sweden iaitu Volvo yang hampir diisytiharkan bangkrut pada tahun 2011 berjaya dipulihkan dan bangkit kembali dengan lebih meyakinkan selepas diambil alih oleh syarikat Geely.

Daya saing

Firma antarabangsa lain seperti General Motors, Fiat, PSA dan Suzuki juga turut melakukan penggabungan bagi meningkatkan daya saing masing-masing di pasaran global.

Justeru, kepakaran Geely ini dijangka mampu meningkatkan lagi sinergi operasi Proton dengan pelancaran beberapa model baharu, pemindahan teknologi, lebih banyak peluang pekerjaan serta tempahan lebih besar untuk vendor komponen.

Ini juga membuka ruang sehuas-huasnya untuk memperkenalkan jenama Proton di pasaran antarabangsa dengan lebih mudah. Dengan cadangan pengambilalihan Proton oleh pihak Geely ini, isu tentang kejatutan kepada syarikat asing tidak perlu dimonitorkan secara berlebihan.

Penulis yakin Proton telah membuat pendirian merdalam tentang potensi dan daya saing pengambilalihan ini. Kemasukannya Geely yang mempunyai pegangan minoriti tidak harus disensasikan dan menimbulkan salah faham kerana majoriti sahamnya masih dipegang oleh pelabur Malaysia.

Seperkara yang memuat juga pihak syarikat telah memberi jaminan bahawa pasaran Proton akan semakin mehuas dan tiada sebarang pembertentangan pekerja pascapengambilalihan berjaya dilakukan.



PROTON sebelum ini dimiliki Khazanah Nasional sebelum diambil alih oleh DRB-Hicom pada Januari 2012.